

# GAPU MEMPERTAHANKAN RUANGAN UDARA MALAYSIA

Oleh: Sjn Saifun Hakimi bin Zainon

Gambar: Rjr Azizurrahman bin Abdul Malek

**P** enubuhan unit-unit Artileri Pertahanan Udara (PUAR) di bawah naungan GAPU, latihan menembak senjata-senjata Artileri PU dilaksanakan di Punggai Bay Firing Ground di Teluk Punggai, Kota Tinggi sebelum bertukar ke Lapangasar Tanjung Siang, Kota Tinggi yang dibuka secara tidak rasmi pada tahun 1981.

Gambaran ringkas mengenai lapangasar bumi ke udara Tg Logok iaitu berada kira-kira 60 km di selatan bandar Mersing, 46 km ke utara pusat peranginan Desaru serta 33 km ke timur Kota Tinggi. Tanah kawasan lapangasar ini yang berkeluasan 105 hektar adalah milik kerajaan negeri Johor yang telah dipersetujui untuk diwartakan sebagai kawasan manuver TD dan lapangasar bumi ke udara.

Lapangasar ini merupakan satu-satunya lapangasar di Malaysia barat yang boleh digunakan untuk latihan tembakan sistem persenjataan Artileri Pertahanan Udara.

Selepas berjaya melaksanakan latihan menembak pada tahun 2006, 2007 dan 2008 Panglima GAPU, Brig Jen Dato' Husin Md Tahak menamakan semula latihan menembak peluru/ misil hidup (LIVEX) sistem persenjataan Artileri Pertahanan Udara (APU) di peringkat GAPU sebagai Eks Panah Jaguh.

Eks PANAHA JAGUH bukan sahaja

melibatkan semua unit GAPU malah turut disertai oleh Bateri 361 RAD Para serta pasukan *Ground Based Air Defence* (GBAD) daripada TLDM dan TUDM malah turut disertai oleh 12 RAMD Mekanise dan 1 KAD.

Eks Panah Jaguh dilaksanakan pada 13 hingga 28 April 2009 di Lapangasar Tg Logok, Mukim Kembau, Kota Tinggi dibahagikan kepada dua peringkat iaitu yang pertama latihan mengesan dan menenang sasaran, yang kedua latihan menembak peluru dan misil hidup sasaran udara.

Antara Objektif yang telah digariskan ialah

melaksanakan latihan ARTEP untuk pasukan 31 RAD, menguji keupayaan Bti IGLA yang dibekalkan kepada pasukan 32 RAD, melaksanakan ujian tembakan *complete round proof* (CRP) misil Starburst yang telah memasuki inventori Tentera Darat lebih daripada 10 tahun, latihan tembakan tahunan untuk pasukan 33 RAD dan membantu Cawangan PU, PUSARTI melatih penuntut kursus PM/SMT Siri 1/09 Cawangan PU untuk latihan menembak peluru hidup di lapangasar Tg Logok.

Antara lain Eksesais pada kali ini juga turut





disertai oleh Tim Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM yang berperanan menganalisis kesan bunyi daripada tembakan terhadap pendengaran penembak. Selain itu para penonton juga berpeluang melihat uji nilai tembakan misil Igla di atas kenderaan VAMTEC keluaran negara Sepanyol.

Demonstrasi tembakan dimulakan dengan fictional target firing oleh meriam 35mm oerlikon/ skyguard bagi mendapatkan bacaan terkini muzzle velocity, diikuti dengan tembakan Jernas, tembakan PUSPA, tembakan Starburst dan tembakan Igla di atas kenderaan jenis VAMTAC dan akhir sekali tembakan meriam 35mm Oerlikon manakala sasaran yang digunakan adalah sasaran tunda yang ditarik oleh lear jet dan pesawat kawalan jauh jenis *Banshee 400*.

Kejayaan Eks PANAHA JAGUH dicapai tepat pada masanya, disebabkan GAPU amat memerlukan sebuah lapang-sasar bumi ke udara bagi melatih semua peringkat anggota rejimen Artileri PU menembak sistem persenjataannya. Lapang-sasar bumi ke udara akan dapat merealisasikan moto Marksman Sasaranku dan menjadi pemangkin kepada wawasan GAPU untuk 'Digeruni Musuh, Disegani Rakan Seangkatan'.

BERBISA...antara aset-aset yang terlibat semasa demonstrasi tembakan bumi ke udara di lapang-sasar Tg Logok